

**PERANAN MASYARAKAT SIVIL DALAM TRANSFORMASI KONFLIK
DI ACEH**

oleh

LUKMAN

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah sarjana**

OKTOBER 2007

PENGHARGAAN

Terutama sekali dipanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT yang membekali dan sentiasa menambahkan kesabaran serta semangat kepada diri ini dalam menyiapkan tesis ini dari masa ke semasa. Jutaan terima kasih yang tak terhingga ditujukan khas kepada yang mulia Prof. Madya Kamarulzaman Askandar selaku penyelia yang bukan sahaja mengorban masa, tenaga dan pemikiran untuk membimbing penulis hingga penyelidikan ini selesai, namun juga keiklasan beliau mewujudkan mimpi rakyat Aceh menghantar damai di negeri itu. Semoga Allah sentiasa melimpahkan berkah dan kebijakan kepada beliau.

Kepada Universiti Sains Malaysia (USM), salam ingatan, kesejahteraan dan do'a agar namamu sentiasa harum dan dikenang atas jasa-jasamu yang begitu tinggi dan mulia, sentiasa membuka peluang bagi penagih ilmu pengetahuan. Terima kasih tak terhingga dipersembahkan kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS) yang sentiasa meluluskan diri ini sebagai siswazah tinggi. Dan terima kasih pula dipersembahkan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (PPSK) yang banyak membantu diri ini selama masa pengajian.

Pada kesempatan ini juga dirakamkan ucapan penghargaan kepada istri tercinta Sofia dan ananda Zitkala Sa, Paja Taftazani dan Rubi Farhana yang sentiasa sabar dan memberi sokongan sehingga penulis tetap semangat menjayakan penulisan ini.

Akhirnya kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian ini hanya Allah SWT juga sebaik-baik pembalas.

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii
SUSUNAN KANDUNGAN	iii
SENARAI KOTAK	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI PENERBITAN DAN SEMINAR	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiv

BAB SATU : PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Penyataan Masalah	6
1.1.1 Pentingnya kaedah penyelesaian konflik yang menjamin perdamaian berterusan	6
1.1.2 Masyarakat sivil dan pembangunan perdamaian dari dalam	10
1.2 Objektif Kajian	12
1.3 Persoalan Kajian	13
1.4 Skop dan Batasan Kajian	13
1.5 Kepentingan Kajian	14
1.6 Metodologi Penyelidikan	15
1.6.1 Kajian Perpustakaan	16
1.6.2 Kajian Lapangan	16
1.6.3 Jenis Data	17
1.6.4 Kaedah Pengumpulan Data	17
1.6.5 Sumber Data	18
1.6.6 Analisis Data	20
1.7 Rangka Tesis	22

BAB DUA: KONSEP MASYARAKAT SIVIL, KONFLIK PEMISAH DAN TRANSFORMASI KONFLIK

2.0	Pengenalan	24
2.1	Masyarakat Civil	24
	2.1.1 Sejarah dan Perkembangan Masyarakat Civil	24
	2.1.2 Masyarakat Civil dan Pendemokrasian	29
	2.1.3 Masyarakat Civil dan Pembangunan Perdamaian	31
2.2	Konflik Pemisah: Punca, Karakter dan Proses Kewujudannya	33
	2.2.1 Negara Pelbagai Komuniti dan Warisan Kolonialisme	34
	2.2.2 Identiti, Peranan Negara dan Keterkaitan Masyarakat Antara Bangsa	37
	2.2.3. Proses Pembentukan Konflik Pemisah	39
	2.2.4 Asimetris dan Mengakar sebagai Ciri Konflik Pemisah	41
	2.2.5 Kecenderungan Berakhirnya Konflik Pemisah	43
2.3	Transformasi Konflik	44
	2.3.1 Transformasi sebagai Respon Terhadap Konflik Mengakar dan Asimetris	44
	2.3.2 Transformasi Konflik, Penyelesaian Konflik dan Penamatan Konflik	49
	2.3.3 Aspek dan Dimensi dalam Transformasi Konflik	50
	2.3.4 Pembangunan Perdamaian dari Bawah	53

BAB TIGA : STRUKTUR KONFLIK ACEH

3.0	Pengenalan	57
3.1	Sumber Identiti dan Perlawanan Aceh	58
	3.1.1 Proses Pembentukan Identiti Menerusi Negara Aceh Darussalam	60
	3.1.2. Perang dengan Belanda: Penguatan Karakter Perlawan	67
3.2	Struktur Negara Indonesia	73
3.3	Konteks Konflik	77
	3.3.1 Eksplorasi Alam dan Marginalisasi Ekonomi	77
	3.3.2 Hegemoni Budaya, Politik Sentralistik dan Program Transmigrasi	82
3.4	Dinamik, Isu-Isu Utama dan Aktor-aktor Konflik	84

3.5.1	Period Darul Islam/Tentera Islam Indonesia 1953-1962	85
3.4.2	Period Gerakan Aceh Merdeka	88
3.5	Pengurusan Konflik yang Telah Dijalankan	96
3.5.1	Pengurusan Konflik DI/TII	96
3.5.2	Pengurusan Konflik Period GAM	100
3.6	Tsunami dan Transformasi Konflik	105

BAB EMPAT: MASYARAKAT SIVIL DAN TRANSFORMASI KONFLIK DI ACEH

4.0	Pengenalan	110
4.1	Benih-benih Perkembangan Masyarakat Civil Aceh	111
4.1.1	Reformasi Pendidikan Islam dan Kepemimpinan Kaum Ulama	112
4.1.2	Pembangunan dan Marjinalisasi Rakyat	116
4.1.3	Simpati dan Konsolidasi Etnik kerana Kekerasan Negara	122
4.2	Aktor-aktor Utama Masyarakat Civil Aceh	126
4.2.1	Pertubuhan Mahasiswa dan Pemuda	127
4.2.2	Pertubuhan Bukan Kerajaan	131
4.2.3	Ulama dan Santri	136
4.2.4	Pertubuhan Akademisi	138
4.2.5	Media	140
4.2.6	Penggolongan Masyarakat Civil Berdasarkan Wilayah Kerja	141
4.3	Usaha Masyarakat Civil dalam Transformasi Konflik	144
4.3.1	Transformasi Konteks	145
4.3.2	Transformasi Struktur	148
4.3.3	Transformasi Aktor	153
4.3.4	Transformasi Isu	156
4.4.5	Transformasi Personal	159
4.4	Capaian dan Cabaran Utama Masyarakat Civil dalam Transformasi Konflik	160
4.4.1	Capaian-capaian utama	160
4.4.2	Cabaran-cabaran utama	163

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Kesimpulan	166
5.2	Cadangan	171

SENARAI RUJUKAN	175
------------------------	-----

LAMPIRAN	181
-----------------	-----

Lampiran A: Cessation of Hostilities Framework Agreement

Lampiran B: Memorandum of Understanding between the
Government of Indonesia and the Free Aceh Movement

SENARAI KOTAK

	Muka surat
Kotak 4.1 Sifat-sifat Pertubuhan Bukan Kerajaan	119
Kotak 4.2 Profil Sentral Informasi Referendum Aceh	129
Kotak 4.3 Profil Solidaritas Mahasiswa untuk Rakyat	130
Kotak 4.4 Profil Aceh Civil Society Task Force	133
Kotak 4.5 Profil Koalisi NGO HAM Aceh	134
Kotak 4.6 Profil Lembaga Bantuan Hukum Banda Aceh	134
Kotak 4.7 Profil Flower Aceh	135
Kotak 4.8 Profil Himpunan Ulama Dayah Aceh	136
Kotak 4.9 Profil Rabithah Taliban Aceh	137
Kotak 4.10 Profil Aceh Institut	139
Kotak 4.11 Profil Acehkita	140
Kotak 4.13 Peranan Masyarakat Sivil dalam Transformasi Isu	158
Kotak 4.14 Peringkat Peranan Masyarakat Sivil Aceh dalam Setiap Pembolehubah Transformasi Konflik	162

SENARAI RAJAH

Muka surat

Rajah 1.1	Konflik dalam Hubungan Aceh dan Indonesia Sebelum Tsunami 2004	2
Rajah 2.1	Sembilan <i>Track</i> dari Diplomasi Pelbagai <i>Track</i>	31
Rajah 2.2	Segitiga Konflik	41
Rajah 2.3	Tahapan-tahapan dan Proses Transformasi Konflik	47
Rajah 2.4	Mentrasformasikan Konflik yang Asimetris	48
Rajah 2.5	Aktor dan Pendekatannya dalam Pembangunan Perdamaian	54
Rajah 3.1	Perbandingan Jumlah Ahli GAM dan Mangsa dalam Konflik Aceh (1990-2002)	94
Rajah 3.1	Struktur Masyarakat Sivil Aceh	143
Rajah 3.2	Peta Aktor dalam Konflik Aceh	154
Rajah 3.3	Perkembangan Isu dalam Konflik Aceh	157

SENARAI SINGKATAN

CMI	Crisis Management Initiative
COHA	Cessation of Hostilities Framework Agreement
DMD	Damai Melalui Dialog
DOM	Daerah Operasi Militer
DI/TII	Darul Islam/Tentera Islam Indonesia
GAM	Gerakan Aceh Merdeka
HDC	Hendry Dunant Centre
HAM	Hak Asasi Manusia
IAIN	Institut Agama Islam Negari
KKA	Kertas Kraf Aceh
KBMK	Komite Bersama Modalitas Keamanan
KBAK	Komite Bersama Aksi Kemanusiaan
KMMK	Komite Monitoring Modalitas Keamanan
LSM	Lembaga Swadaya Masyarakat
NGO	Non Government Organization-Pertubuhan Bukan Kerajaan
NKRI	Negara Kesatuan Republik Indonesia
OCM	Operasi Cinta Meunasah
PUSA	Persatuan Ulama Seluruh Aceh
TNI	Tentera Nasional Republik Indonesia
REPUSM	Research and Education For Peace, Universiti Sains Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- | | |
|------------|--|
| Lampiran A | Cessation of Hostilities Framework Agreement |
| Lampiran B | Memorandum of Understanding between the Government of Indonesia and the Free Aceh Movement |

SENARAI PENERBITAN & SEMINAR

1. Penerbitan

- 1 Nasionalisme Aceh: Landasan Sejarah dan Pemicu Kelahirannya. Dalam Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia: Pengamatan Sejarah. Editor Abdurrahman Haji Ismail, Azmi Arifin, Nazaruddin Zainun. Penerbit USM, Penang 2006. hal 243-267
- 1.2 IDP Confined to Barrack”, Force Migration Review Special Edition on Tsunami, Refugee Studies Centre, University of Oxford, Oxford, July 2005
- 1.3 Tsunami and Conflict Transformation in Aceh. The SEACSN Bulletin January –June 2005, Southeast Asian Conflict Studies Network, Penang, June 2005

2. Seminar

- 2.1 *Pembentang*—International Seminar on Reconstruction and Peace Building in Aceh, LIPI-SCHRA-SEACSN, Jakarta 29-30 July 2005
- 1.2 *Pembentang*—Seminar on Conflict and Displacement in Southeast Asia, Refugee Studies Centre University of Oxford, Oxford (13 July 2005)
- 1.3 *Pembentang*—Workshop “Menggagas Agenda Riset sebagai Respon Kalangan Akademisi dalam Rekonstruksi di Aceh, Aceh Institute, Banda Aceh (24-25 Jun 2005)
- 1.4 *Paper Presenter*--Aceh Scholars Group Workshop. Research and Education for Peace, Universiti Sains Malaysia (REPUSM), Penang, Malaysia (15-16 July 2004)
- 1.5 *Pembentang*--Enhancing Role Civil Society in Conflict Resolution in Aceh Workshop. ACSI-REPUSM, Univeristi Sains Malaysia, Penang-Malaysia (18-25 July 2004)

PERANAN MASYARAKAT SIVIL DALAM TRANSFORMASI KONFLIK DI ACEH

ABSTRAK

Pada 5 Ogos 2005, kerajaan Indonesia dan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) mematerai perjanjian damai untuk mengakhiri konflik kekerasan yang telah berlangsung puluhan tahun di Aceh. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana kesan dan peranan masyarakat civil dalam pembangunan perdamaian di Aceh sebelum perjanjian damai dimaterai. Masyarakat civil adalah pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai matlamat yang berbeza-beza, eksklusif dan terpisah-pisah dan memiliki asas yang dikongsi bersama untuk bertindak secara bersama, iaitu kebebasan individu dan hak asasi manusia.

Untuk mengukur sama ada masyarakat civil berjaya atau tidak dalam melakukan transformasi konflik, kajian ini akan dibantu oleh pembolehubah-pembolehubah yang telah dikembangkan para ahli akademik bidang ini. Pembolehubah yang dimaksud adalah seperti transformasi konteks; transformasi struktural; transformasi pelaku; transformasi isu; dan transformasi personal/elit.

Penyelidikan ini mendapati bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan masyarakat civil seperti advokasi, kempen, penyedaran akan nilai-nilai perdamaian, perlindungan terhadap mangsa konflik dan aktiviti kemanusiaan lainnya telah mengubah pembolehubah-pembolehubah dalam konflik di Aceh sehingga ianya lebih mudah diselesaikan. Berlakunya perubahan tersebut bukan hanya disebabkan peranan masyarakat civil, tetapi juga peranan pihak-pihak lain, seperti masyarakat antarabangsa dan parti yang berkonflik sendiri. Peranan masyarakat civil yang lebih besar berdasarkan penyelidikan ini adalah mengubah struktur konflik yang sebelumnya tidak seimbang (*asymmetric*) menjadi lebih seimbang. Konflik yang sebelumnya

tersembunyi (*latent*) menjadi terbuka (*manifest*) sehingga lebih mudah diselesaikan. Peranan masyarakat sivil juga besar dalam perubahan isu konflik yang sebelumnya hanya berkenaan dengan pemisahan, kekerasan dan ketenteraan menjadi bercampur dengan isu-isu perdamaian, pendemokrasian dan kemanusiaan. Perubahan-perubahan ini menjadi pembolehubah bagi penyelesaian konflik dan pembangunan perdamaian secara lebih luas.

ROLE OF THE CIVIL SOCIETY ON CONFLICT TRANSFORMATION IN ACEH

ABSTRACT

On 5th August, 2005, Indonesian government and Free Aceh Movement (Geurakan Aceh Merdeka; GAM) signed the peace agreement to end the protracted conflict in Aceh. This study aims to investigate the role and influence of civil society in establishing the peace before the peace accord was signed. The civil society are organized in many organizations that appear to have different vision and mission, work separately but have similar platform: individual freedom and human right.

In order to measure the success of civil society in transforming the conflict, we use several parameters that have been developed by experts. The parameters are context transformation, structural transformation, actor transformation, transformation of issue and transformation of person in elite group.

This study revealed that the activities of civilian in advocating and campaigning on the value of peace, protection to the victims of the conflict, and other humanitarian actions have changed the parameters in the conflict in Aceh; this leads to the smooth process in ending the conflict. This transformation happened not only due to the role of civilian but also the international community and the parties that raged the conflict. The significant role of civil society, according to this study, is in transforming the structure of conflict from imbalance (asymmetric) to a more balance power. The conflict that was latent before became open, therefore it is easier to resolve. Civil society also play an important role in transforming the issue of conflict from separatism, violence, and military to peace, democracy and humanity. These transformations become the leading parameter for resolving the conflict and establishing the peace in wider area.

BAB 1 **PENDAHULUAN**

1.0 Pengenalan


Pada 15 Ogos 2005, kerajaan Indonesia dan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) mematerai perjanjian damai untuk mengakhiri konflik kekerasan yang telah berlangsung puluhan tahun di Aceh. Perjanjian damai ini ditandatangani setelah wilayah Aceh dilanda bencana tsunami yang menyebabkan lebih 150,000 orang mati dan puluhan ribu lainnya hilang. Bencana besar itu telah merubah konteks konflik yang mendorong kedua pihak merubah posisi masing-masing dalam konflik, sehingga penyelesaian lebih mudah dijalankan. Pada masa itu, masyarakat di seluruh dunia sama-sama membantu untuk menolong korban dan kerosakan kerana tsunami, sehingga wujud gerakan kemanusiaan yang besar yang membuat kedua parti merasa tidak patut melanjutkan percanggahannya. GAM bersetuju untuk menghentikan perjuangannya menuntut kemerdekaan Aceh dari Indonesia, dan menyebabkan kerajaan Indonesia bersetuju untuk melakukan perundingan damai dengan GAM.¹ Suasana perdamaian kemudian dikukuhkan lagi dengan pilihan raya pada 11 Disember 2006 yang mana keputusannya calon GAM menjadi Governor Aceh untuk periode 1996-2011.

Sebelum tsunami tiada ahli akademik dan pihak-pihak lain yang menumpukan perhatian terhadap konflik Aceh akan menjangka perdamaian di Aceh akan mudah diwujudkan seperti sekarang. Ini kerana konflik di Aceh telah berlangsung pada masa yang lama dan memiliki punca yang mengakar. Gambar rajah 1.1 memperlihatkan hampir kesemua masa dalam hubungan Aceh-Indonesia dilalui dengan konflik. Lebih

¹ Temubual dengan Panglima Kodam Iskandar Muda, Major General Supiadin, Oktober 2005. General Supiadin menyebutkan ada 5 perkara yang menyebabkan pihak Indonesia bersetuju untuk berdamai dengan GAM, iaitu 1) GAM mengakui Aceh adalah sebahagian daripada Indonesia; 2) GAM tidak lagi berjuang untuk kemerdekaan Aceh; 3) GAM bersedia

separuh masa dalam hubungan Aceh dengan Jakarta, iaitu 36 tahun daripada 58 tahun Indonesia merdeka dilalui dengan konflik terbuka. Manakala lebih 10 tahun lainnya dilalui dengan sikap kecurigaan. Beberapa perjanjian damai yang dimaterai sebelumnya juga didapati tidak berjaya mengekalkan perdamaian di wilayah itu.

Menarik untuk kita mengetahui bagaimana sebuah bencana mempengaruhi konflik yang mengakar dan berlarut-larut (*protracted conflict*), dan langkah apa selanjutnya yang harus dijalankan agar perdamaian dapat berkekalan. Untuk menjawab soalan ini, kita perlu mempelajari terlebih dahulu kondisi konflik di Aceh. Mengapa konflik ini boleh wujud dalam masa yang lama, dengan silih berganti antara fasa laten dan keganasan terbuka? Mengapa juga kaedah penyelesaian yang telah dijalankan tidak mampu mendapatkan perdamaian di wilayah ini?



Gambar Rajah 1.1: Konflik dalam hubungan Aceh–Indonesia Sebelum Tsunami 2004
Sumber: Data diproses dari berbagai sumber dengan menggunakan rangka kerja Bryant Wedge's Level of Manifest Conflict

Abdullah (2000: 2) dalam sebuah artikelnya menyarankan agar kita terlebih dahulu mengkaji proses penubuhan negara (*state-making process*) dan proses

menyerahkan senjatanya; 4) GAM tidak menuntut referendum dan 5) karena adanya tsunami di Aceh.

perjalanan kerajaan (*the governing process*) untuk memudahkan kita memahami konflik semasa yang kebanyakannya berlaku dalam sebuah negara (*internal conflict*).

Indonesia, jika dilihat dari aspek penubuhan negara merupakan sebuah institusi politik yang lahir daripada proses kolonialisme. Sebagai negara yang lahir daripada bekas penjajahan, Indonesia memiliki asas yang rapuh. Benedict Anderson (1991:169) menyatakan negara-negara baru pasca kolonial ialah entiti palsu (*artificial*) yang diciptakan penguasa kolonial dalam pertarungan mereka merebut pengaruh pada masanya. Negara-negara baru ini memiliki struktur yang rumit, terdiri dari pelbagai ragam bangsa namun disatukan dalam entiti-entiti politik yang sering kali dipaksakan kewujudannya. Sempadan negara (*line-border*) sengaja diciptakan penguasa kolonial hanya untuk membezakan wilayah jajahan satu negara induk dengan negara induk lainnya.

Maka apabila negara-negara baru pasca kolonial itu wujud dia akan mewarisi kapasiti politik yang lemah yang dicirikan dengan institusi partisipasi yang lemah, aturan-aturan dan pentadbiran yang bersifat hirarki dari pusat, dan penggunaan tekanan politik dalam menjalankan kerajaan. Lebih rumit lagi, otoriti politik negara-negara ini selalunya didominasi oleh komuniti utama atau gabungan beberapa komuniti dan memanfaatkan kekuasaan untuk kepentingan kumpulannya dengan menghadkan peluang bagi kumpulan lain (Azar, 1990: 7).

Lebih daripada itu, Indonesia menghadapi permasalahan yang lebih rumit, kerana negara yang mengisytiharkan kemerdekaannya pada tahun 1945 itu dihuni oleh sekitar 360 bangsa dan suku bangsa yang memiliki bahasa dan tradisi yang berbeza-

beza.² Selain itu dengan jumlah penduduk yang pada tahun 2000 mencapai sekitar 206 juta orang, negara ini dipisahkan oleh ribuan pulau dan perbezaan agama. Ditambah lagi dengan perbezaan proses kemasukan komuniti-komuniti yang ada ke dalam negara membuat negara ini tidak henti-henti dilanda konflik.³

Kemudian dalam aspek pelaksanaan pemerintahan (*the governing process*), Indonesia merupakan sebuah negara kesatuan (*unitary*) yang menjalankan sistem sentralistik. Dengan sistem ini bukan sahaja aturan berasal dari pusat, namun lebih jauh lagi hasil-hasil kekayaan yang ada di wilayah-wilayah diambil untuk kepentingan pusat. Sehingga perbezaan pembangunan antara wilayah di pusat kekuasan dengan wilayah pinggiran menjadi masalah yang utama di Indonesia. Selain itu dalam banyak perkara, kerajaan sentiasa menjalankan cara-cara penseragaman, sehingga keunikian-keunikian komuniti-komuniti berdasarkan bangsa banyak yang hilang atau tidak berkembang. Kemudian, terutamanya pada masa Presiden Suharto, Indonesia menjalankan kerajaan kuku besi dan sentiasa menindas pendapat yang kritis dan berbeza dengan kerajaan.

Kedua aspek ini membuat Indonesia sebagai sebuah negara sentiasa berada dalam ancaman konflik. Sejarah 58 tahun perjalanan negara ini, tidak pernah lepas daripada konflik, sama ada konflik pemisah, konflik ideologi, konflik politik, konflik etnik mahupun konflik antara agama. Konflik Aceh adalah satu antara konflik yang telah bertahan lama di Indonesia.

² 100 diantaranya berbeza sangat tegas antara satu dengan yang lain. Lihat Benedict Anderson. *Komunitas-Komunitas Imajiner: Renungan tentang Asal Usul dan Penyebaran Nasionalisme*. (Yogyakarta, Pustaka Pelajar dan INSIST Press, 1999)

³ Majoriti penduduk Indonesia adalah orang Jawa 45%, Sunda 4%, Madura 7.5%, sedangkan komunitas lain persentasenya lebih kecil, seperti Aceh 1.4%. Dari segi agama, sekitar 88% penduduknya beragama Islam, 8% Kristian, 2% Hindu, 1% Budha dan 1% lainnya, namun di beberapa wilayah seperti Maluku dan Sumatera Utara perbandingannya lebih seimbang sedangkan di Bali dan Papua, Islam termasuk minoriti.

Asas yang mewujudkan konflik di Aceh dan menjadikannya bertahan lama ialah bertembungnya struktur yang membentuk Indonesia—seperti diuraikan diatas—with struktur yang membina Aceh sebagai sebuah komuniti. Sebelum menjadi sebahagian daripada Indonesia, wilayah Aceh sekarang ialah sebuah negara yang disatukan pada awal abad ke-16 daripada beberapa negeri yang ada di wilayah itu. Penyatuan ini sebagai usaha menghadapi pencerobohan Portugis ke wilayah-wilayah di bahagian utara Sumatera selepas negara itu menguasai Melaka di tanah semenanjung. Kemudian sejarah panjang yang dilalui bersama yang dalamnya ada perang terhadap kuasa asing, sistem pentadbiran dan undang-undang yang dijalankan, cukai yang ditarik dan adanya tradisi tersendiri telah memberikan makna politis terhadap ekspresi geografi (*geographical expressions*) ke dalam wilayah yang disebut Aceh itu.⁴ Proses panjang yang dilalui ini menurut Abdullah (2001:10) menjadikan negara seperti ini memiliki asas yang lebih kukuh berbanding negara-negara yang lahir daripada bekas penjajahan.⁵ Perjalanan ini serta ditambah lagi dengan kesamaan agama dan bahasa telah pula mengukuhkan rasa kebangsaan dalam penduduk yang mendiami wilayah tersebut.⁶

Rasa kebangsaan ini tidak serta merta hilang apabila negara Aceh telah tiada dan wilayah Aceh menjadi sebahagian daripada negara Indonesia.⁷ Rasa kebangsaan ini yang diperkuat dengan tradisi perlawanan (*resistance*) terhadap kuasa asing yang telah menjadi sebahagian daripada sejarah Aceh menjadikan ianya mudah

⁴ Rujukan dan sumber-sumber yang menyokong pernyataan ini diuraikan lebih jelas pada bab 3.

⁵ Kerana matlamat kolonialisme bukan untuk menubuhkan negara, melainkan untuk perniagaan, perbudakan, penghisapan sumber alam, misi membawa “tamadun” kepada kaum Barbar, misi ugama dan persaingan sesama negara penjajah dalam memperluas wilayah jajahannya. (Abdullah :2001 :11)

⁶ Rujukan dan sumber-sumber yang menyokong pernyataan ini diuraikan lebih jelas pada bab 4.

⁷ Bernad Nietschmann dalam artikelnya bertajuk “*The Third World War*” yang diterbitkan lewat *Cultural Survival Quarterly No 11/1987*, menyatakan sebuah bangsa tidak akan menjadi minoriti atau kelompok etnik hanya kerana wilayahnya menjadi sebahagian daripada negara lain. Istilah kelompok etnik atau minoriti hanyalah taktik yang digunakan negara untuk merebut identiti bangsa itu bagi menyatukan wilayah dan kekayaan alamnya.

tergerak atau digerakkan untuk melawan keadaan struktural kerajaan Indonesia yang sangat tidak memuaskan penduduk.

Perbalahan struktur ini semakin menjadi masalah dengan wujudnya perbezaan sistem kehidupan yang Islami yang telah lama diamalkan di Aceh dengan sistem sekularisme yang dibina kerajaan Indonesia.

Aspek-aspek ini merupakan latar belakang yang harus dikaji terlebih dahulu untuk memudahkan kita memahami wujudnya dua gelombang konflik di Aceh selama menjadi sebahagian daripada negara Indonesia, iaitu semasa Darul Islam/Tentera Islam Indonesia (DI/TII) pada awal kemerdekaan Indonesia dan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) yang bermula pada tahun 1976.

1.1 Penyataan Masalah

1.1.1 Pentingnya Kaedah Penyelesaian yang Menjamin Perdamaian Berterusan

Bencana tsunami yang melanda Aceh dan negara-negara di lautan Hindia hanya mengubah konteks konflik tersebut. Dengan timbulnya isu kemanusiaan dan penyelamatan mangsa tsunami sebagai isu utama. Bahkan pelbagai pihak dari berbagai tempat di dunia ini datang dan memberi pertolongan kepada mangsa tsunami di Aceh. Perubahan konteks ini menjadikan parti-parti yang berkonflik mengubah posisi mereka sehingga perbincangan damai yang sebelumnya telah gagal boleh dimulakan kembali.

Merujuk pada huraiān di atas, boleh disimpulkan bahawa tsunami tidak mengubah semua elemen konflik, tetapi menjadi sebuah momentum yang membuat konflik menjadi lebih mudah diselesaikan. Kita masih memerlukan usaha-usaha pembangunan perdamaian dan pembinaan kembali setelah konflik (*post-conflict reconstruction*) untuk mengekalkan perdamaian yang sudah wujud tersebut. Huraian penyelidik tentang anatomi konflik di atas, dan juga di Bab 4 harus diambilkira untuk

memastikan usaha-usaha yang akan dilakukan dapat mewujudkan perdamaian di Aceh. Kegagalan para pembuat polisi dan para ahli akademik dalam mengambil kira perkara-perkara di atas dalam analisis mereka terhadap konflik Aceh menjadikan kaedah penyelesaian konflik yang ditawarkan sebelumnya sentiasa tidak berhasil mewujudkan perdamaian berterusan. Kebanyakan daripada mereka hanya melihat konflik Aceh terhad pada perkara yang wujud pada bahagian luaran sahaja, sehingga kaedah penamatan konflik yang ditawarkan hanya bersifat jangka pendek.

Kalau kita kaji secara mendalam memang didapati bahawa konflik Aceh susah untuk diselesaikan, sehingga memerlukan ketelitian dalam merumuskan kaedah penyelesaian yang berkesan. Secara ringkas penyelidik ingin menghuraikan beberapa perkara yang membuat konflik Aceh susah untuk diselesaikan sebelum datangnya musibah tsunami, iaitu :

Pertama: punca konflik kerana kegagalan struktur negara dalam memuaskan struktur dan tradisi hidup sebuah komuniti, hal ini seperti yang dihuraikan dalam pendahuluan di atas.

Kedua: terjejasnya hubungan yang sangat lama dan terus menerus yang telah mewujudkan ketidakpercayaan dan stereotype antara satu pihak dengan pihak lain. Perasaan ini terutamanya ada pada pihak rakyat Aceh kerana banyaknya janji dan harapan yang disampaikan pemimpin-pemimpin Indonesia yang tidak ditepati, sama ada pada masa presiden Soekarno, Soeharto, Habibie, Abdurrahman Wahid mahupun presiden sekarang Megawati Soekarno Putri, mahupun Susilo Bambang Yudoyono.

Ketiga: isu-isu utama yang berkembang dalam konflik adalah isu nilai (identiti, martabat, nasionalisme) yang tidak boleh dibahagikan. Selain itu banyaknya isu yang berkembang juga membuat konflik ini menjadi susah diselesaikan. Banyaknya isu ini

selain konflik yang berlangsung lama juga merupakan kesan daripada kesalahan dalam menjalankan kaedah penamatkan konflik. Contoh yang paling ketara ialah penggunaan kaedah ketenteraan baik pada masa DI/TII atau GAM yang mewujudkan isu pencabulan hak asasi manusia. Demikian juga kaedah memperbesar pembahagian hasil kekayaan kepada Aceh yang tidak disokong sistem pentadbiran yang bersih (*clean governance*) sehingga mewujudkan isu rasuah, dan sebagainya.

Keempat: struktur kekuasaan antara pihak yang berkonflik tidak seimbang (*asymmetric*). Pihak yang berkonflik secara fizikal ialah kerajaan Indonesia yang memiliki struktur negara yang lengkap dan GAM yang merupakan kumpulan gerila yang hanya memiliki beberapa ribu ahli sahaja. Dalam keadaan asimetris, Toft (2000: 8) menyebut bahawa biasanya pihak yang kuat akan menggunakan strategi menyerang langsung (*direct attack*) dan barbarisme (*barbarism*). Sedangkan pihak yang lemah akan menggunakan strategi bertahan (*direct defense*) dan strategi perang gerila (*guerrilla warfare strategy*). Sebagai akibatnya yang kuat akan selalu menang dan yang lemah akan selalu kalah, sehingga tidak ada hasil menang-menang. Selain itu dalam konflik asimetris, tindakan harus bersifat menindas sehingga akibatnya sangat keras dan risiko hubungan kedua-dua belah pihak tidak dapat dipertahankan (Miall et.al, 2000: 19). Dalam keadaan seperti ini penyelesaian yang diambil hanya bersifat sementara, perasaan yang tidak adil yang dirasa satu pihak atas penyelesaian itu akan membuat konflik boleh timbul kembali pada bila-bila masa.

Kelima: keterlibatan banyak pelaku dalam konflik dengan pelbagai ragam matlamat. Bukan hanya antara pihak-pihak utama yang berkonflik, namun perbezaan matlamat juga berlaku di dalaman pihak-pihak utama tersebut. Ini ditambah lagi dengan sikap para pelaku yang kukuh dengan matlamatnya masing-masing. Keadaan ini membuat usaha-usaha ke arah perdamaian yang digagas satu atau beberapa pelaku boleh gagal kerana ada usaha sabotaj oleh pihak lain.

Percampuran lima perkara di atas membuat konflik Aceh memerlukan sebuah mekanisme yang benar-benar berkesan dalam membangun perdamaian berterusan. Tsunami telah membuka jalan bagi usaha damai, namun ini perlu dilanjutkan kaedah-kaedah lain untuk mengawal perdamaian berkekalan. Kaedah penyelesaian yang banyak dikaji dan dijalankan dalam kebanyakan konflik sebelumnya hanya berkaitan dengan konflik itu sendiri dan peranan orang ketiga ialah untuk mendorong kedua-dua belah pihak untuk menyelesaikan masalah mereka tanpa kekerasan. (Miall et.al, 2000). Manakala konflik yang berlarutan seperti di Aceh memerlukan kaedah penyelesaian yang dilakukan berterusan (*sustainable*) iaitu penyelesaian yang mampu membangunkan struktur yang secara sedia ada dapat mengembangkan perdamaian berterusan (*sustainable peace*) untuk menggantikan putaran kekerasan (*violence cycle*) (Lederach, 1997).

Lantaran hal inilah penyelidik tertarik memilih kaedah transformasi konflik dalam mengkaji prospek perdamaian di Aceh. Oleh sebab transformasi konflik merujuk pada hasil, proses dan struktur yang ditujukan pada usaha membangunkan perdamaian berterusan, yang bertujuan secara sungguh-sungguh untuk mengatasi budaya dan struktur kekerasan. Transformasi konflik merupakan suatu yang tanpa had, jangka panjang dan merupakan proses dinamis yang secara nyata memperlebar ruang lingkup daripada pelaku yang terlibat (Reimann: 2001).

Transformasi konflik juga ditujukan untuk mengubah struktur konflik yang asimetris. Diana Francis (2001) menyebutkan komponen utama dari pada transformasi konflik ditujukan untuk mengubah kekuasaan yang tidak seimbang dan kesan daripada ketidakadilan dengan tekanan seringkali diberikan pada pencegahan dan mengakhiri konflik dan memfasilitasi perundingan (yang boleh berkesan hanya apabila ada keseimbangan kuasa).

Selain itu Vayrynen (1991) juga menyebutkan bahawa transformasi konflik mementingkan perubahan isu dan pelaku untuk mencapai perubahan. Menurut beliau dalam *transformasi pelaku*, pihak berkonflik harus menentukan kembali atau mengubah matlamat mereka dan mengambil perspektif baru secara radikal. Perkara ini dapat berlaku dengan perubahan pelaku dan kepemimpinan. Dalam banyak konflik berterusan, penggantian pemimpin sering menjadi agen penyelesaian. Perubahan keadaan dan matlamat di peringkat penyokong juga termasuk dalam transformasi pelaku ini. Pada peringkat ini perubahan selalunya berlaku secara perlahan dan tidak jelas. Manakala dalam *transformasi isu*, beliau menyebutkan konflik ditentukan oleh kedudukan para pihak dalam menghadapi suatu isu/masalah apabila mereka mengubah posisinya, atau ada isu baru maka terjadilah perubahan pada konflik itu.

Transformasi konflik merupakan pengembangan daripada konsep penyelesaian konflik yang sudah ada. Ia digunakan untuk memahami proses perdamaian, iaitu transformasi merupakan sebuah urutan langkah-langkah peralihan yang diperlukan. Konsep ini juga mengharuskan sebuah transformasi mendalam kepada pihak-pihak yang bertikai dan dalam hubungan mereka serta ke dalam situasi yang mewujudkan konflik. “Kami melihat transformasi konflik sebagai tingkat perubahan terdalam pada proses penyelesaian konflik” (Miall et.al, 2000;31).

1.1.2 Masyarakat sivil dan pembangunan perdamaian dari dalaman

Dalam transformasi konflik, banyak ahli akademik menekankan pentingnya proses membangunkan perdamaian dari dalaman. Maknanya struktur perdamaian yang diwujudkan haruslah melibatkan pihak-pihak yang memang berada dalam konflik dan merasakan kesan konflik. Hal ini kerana pihak-pihak inilah yang paling bertanggungjawab dan mempunyai peluang yang besar untuk mentransformasikan konfliknya.

Miall et.al (2000) menyebut dalam menghadapi konflik semasa terjadi pergeseran daripada melihat campur tangan pihak ketiga sebagai tanggungjawab utama agen luaran menuju penghargaan pada peranan dalaman atau pembina perdamaian tempatan. Penekanannya bukan pada pihak luar menawarkan pencarian untuk mengatasi konflik dalam satu usaha mediasi, tetapi pada keperluan untuk membangunkan penyokong dan kemampuan dalam masyarakat dan belajar daripada kebudayaan tempatan cara menangani konflik berterusan.

Dalam konteks Aceh, masyarakat sivil (*civil society*) merupakan antara pelaku yang mempunyai peluang dan harus dilibatkan untuk membangunkan perdamaian berterusan ini. Selain memang berada dalam situasi konflik, masyarakat sivil lebih menyokong kaedah penyelesaian tanpa kekerasan, dan yang menjaga asas kebebasan individu dan hak asasi manusia. Alexis Tocqueville mengertikan masyarakat sivil sebagai pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai matlamat yang berbeza-beza, eksklusif dan terpisah-pisah dan memiliki asas yang dikongsi bersama untuk bertindak secara bersama, iaitu kebebasan individu dan hak asasi manusia (Ibrahim, 1999).

Penglibatan masyarakat sivil juga penting untuk mengingatkan bahawa apapun penyelesaian yang dijalankan untuk Aceh haruslah melalui proses dan menuju pembangunan struktur demokrasi. Hal ini adalah antara perkara untuk memastikan penyelesaian yang dibina mampu menjamin perdamaian berterusan. Dalam hal ini masyarakat sivil memang pelaku yang sangat sesuai kerana masyarakat sivil dijalankan atas prinsip-prinsip saling menghargai dan terbuka, dan menganut nilai-nilai sejagat. Kebiasaan yang dijalankan masyarakat sivil dalam mengambil keputusan atau mencapai matlamat politik yang dilakukan secara bersama merupakan perkara-perkara yang sangat penting dalam melahirkan nilai-nilai demokrasi (Cohen & Arato 1992).

Huraian-huraian ini membuat penyelidikan akan kesan dan peranan masyarakat sivil ini dalam membangun perdamaian dan transformasi konflik di Aceh merupakan suatu perkara yang menarik dan mustahak untuk dilakukan. Penyelidikan juga penting dilakukan untuk melihat peranan masyarakat sivil dalam membangun perdamaian setelah perubahan konteks konflik selepas bencana tsunami di Aceh.

1.2 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah dikemukakan di atas, penyelidik tertarik untuk menganalisis secara komprehensif usaha-usaha yang telah dilakukan masyarakat sivil Aceh, terutamanya sebelum tsunami, dalam membangunkan perdamaian dan keberkesanannya dalam transformasi konflik di Aceh.

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengkaji anatomi konflik Aceh termasuk puncanya, perkembangannya, pelaku-pelaku yang terlibat, isu-isu yang wujud dan kaedah penyelesaian konflik yang telah dijalankan.
- ii. Mengkaji perkembangan masyarakat sivil Aceh, latar belakang kelahirannya dan aktor-aktor utamanya.
- iii. Mengkaji usaha-usaha yang telah dilakukan masyarakat sivil Aceh dalam membangunkan perdamaian serta cabaran yang dihadapinya.
- iv. Menganalisis sejauhmana usaha membangun perdamaian tersebut berkesan dalam proses transformasi konflik di Aceh kearah perdamaian berterusan.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif dan permasalahan di atas, kajian ini cuba meneliti persoalan-persoalan berikut :

- i. Bagaimana anatomi konflik Aceh? Apa puncanya, siapa pihak-pihak yang terlibat dan apa matlamat mereka, apa kesan yang telah ditimbulkan oleh konflik tersebut, apa kaedah pengurusan konflik yang telah dijalankan, serta bagaimana keberkesanannya? Bagaimana tsunami mengubah elemen-elemen dalam konflik di Aceh? Elemen apa yang telah berubah dan apa kesannya terhadap penyelesaian konflik di Aceh secara keseluruhan?.
- ii. Bagaimana sejarah dan perkembangan masyarakat sivil di Aceh, apa yang menyebabkan kelahirannya? Siapa mereka, bagaimana strukturnya, apa kapasiti yang dimiliki mereka, termasuk jaringan dengan pihak luar serta sokongan yang mereka miliki.
- iii. Apa usaha-usaha yang telah dilakukan masyarakat sivil dalam membangunkan perdamaian di Aceh? Bagaimana usaha itu dijalankan, serta apa cabaran yang telah mereka hadapi?
- iv. Sejauhmana usaha-usaha yang dilakukan masyarakat sivil Aceh dalam membangun perdamaian berkesan terhadap transformasi konflik? Pada bahagian transformasi konflik yang mana satu usaha-usaha itu paling berkesan dan apa sebabnya?

1.4 Skop dan Batasan Kajian

Isu-isu berkaitan dengan konflik Aceh meliputi banyak aspek. Namun penyelidikan ini hanya bertumpu kepada usaha masyarakat sivil dalam menyelesaikan konflik. Usaha itu akan dilihat daripada kaedah transformasi konflik dengan aspek perubahan yang akan dilihat iaitu transformasi konteks; transformasi struktur; transformasi pelaku; transformasi isu; dan transformasi personal/elit.

Selain itu masyarakat civil juga mempunyai takrifan yang berbeza-beza, namun dalam kajian ini masyarakat civil didefinisikan sebagai pertubuhan-pertubuhan yang bebas daripada pengaruh negara yang mempunyai matlamat yang berbeza-beza, eksklusif dan terpisah-pisah, namun memiliki asas yang dikongsi bersama untuk bertindak secara bersama, iaitu kebebasan individu dan hak asasi manusia. Hal ini bermakna masyarakat civil yang dikaji terbatas kepada syarat-syarat yang disebutkan dalam definisi tersebut.

Selain itu kajian ini hanya melihat peranan masyarakat civil sejak difokuskan sejak reformasi 1998 hingga tercapainya perdamaian Helsinki pada Ogos 2006, Meskipun demikian akan ada kajian mengenai sejarah yang melihat secara ringkas perkembangan masyarakat civil sebelum tempoh tersebut.

1.5 Kepentingan Kajian

Sebelum tsunami, perhatian masyarakat antarabangsa terhadap konflik Aceh sangatlah kurang, termasuk di kalangan akademik. Kajian mengenai konflik Aceh yang menggunakan perspektif konflik dan perdamaian masih sangat terhad dilakukan. Padahal konflik ini sudah berlangsung lama dan ramai orang telah menjadi mangsa. Kalaupun ada penyelidikan mengenai konflik Aceh ianya lebih merupakan penyelidikan dengan kajian politik, hak asasi manusia atau tinjauan sejarah. Selain itu kebanyakan kajian mengenai konflik Aceh hanya melihat konflik Aceh sebagai konflik yang wujud sejak penubuhan GAM pada 4 Disember 1976, tanpa kajian mendalam punca kewujudannya, bagaimana hubungkaitnya dengan konflik sebelumnya dan mengapa konflik ini boleh bertahan lama.

Setelah tsunami konflik Aceh mula mendapat perhatian luas, dengan ramai penyelidik dari merata tempat melakukan penyelidikan mengenai konflik ini. Namun kebanyakan mereka hanya melihat kesan tsunami dalam penyelesaian konflik, dan

peranan pihak ketiga dalam memediasi pihak berkonflik. Padahal konflik Aceh yang telah berlangsung lama memerlukan peranan pihak dalaman untuk membangun struktur perdamaian yang kuat untuk menjaga perdamaian yang berterusan.

Dalamuraian sebelumnya penyelidik telah menyampaikan tentang masyarakat sivil yang memiliki potensi untuk membangun struktur perdamaian dalaman. Penglibatan masyarakat sivil dalam penyelesaian konflik telah menjadi wacana yang banyak dibincangkan, namun kurangnya pengkajian mengenai perkara ini menyebabkan banyaknya idea tersebut tidak mampu diwujudkan dalam bentuk konsep yang komprehensif dan praktikal untuk dijalankan. Dengan melihat kapasiti dan struktur masyarakat sivil secara mendalam dan mengkaji anatomi konflik Aceh secara tepat, maka penyelidikan ini diharapkan akan menyumbang kepada penyusunan sebuah konsep tentang penglibatan masyarakat sivil yang paling berkesan dalam membangunkan perdamaian yang berkekalan di Aceh.

Selain kepentingan-kepentingan di atas, penyelidikan ini diharapkan juga boleh menjadi pelajaran bagi konflik-konflik lain yang memiliki karakter yang serupa.

1.6 Metodologi Penyelidikan

Untuk mencapai objektif kajian, penyelidik menggunakan pendekatan penyelidikan berbentuk kajian kes dengan konflik Aceh sebagai kes kajian. Kaedah yang digunakan di dalam penyelidikan ini pula di bahagikan kepada dua iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Umumnya penyelidikan ini adalah bersifat teoritikal dan empirikal. Untuk itu kedua-dua data primer dan sekunder digunakan dalam tesis ini.

1.6.1 Kajian Perpustakaan

Di peringkat awal, penyelidik menumpukan kepada kajian perpustakaan. Kajian perpustakaan dilaksanakan untuk pengumpulan data sekunder. Maklumat yang dikumpulkan merangkumi teori-teori berkaitan dengan masyarakat sivil, teori-teori tentang konflik pemisah dan konflik yang berlarut-larut, serta teori tentang transformasi konflik. Kesemua maklumat ini diperlukan untuk membina landasan teori kajian dan mengukuhkan kefahaman penyelidik terhadap prinsip-prinsip keterlibatan masyarakat sivil dalam transformasi konflik di sebuah konflik yang telah berlarut-larut.

Selain itu, kajian perpustakaan juga dilaksanakan untuk mengumpulkan maklumat berkenaan dengan konflik Aceh sama ada mengenai punca dan sebab konflik, perkembangan konflik, isu-isu yang berkembang, pelaku-pelaku yang terlibat dan kaedah pengurusan konflik yang telah dijalankan. Kajian perpustakaan juga akan digunakan untuk mengumpulkan maklumat tentang aktiviti dan usaha masyarakat sivil dalam membangun perdamaian dan kesannya terhadap transformasi konflik.

Teks dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan maklumat-maklumat di atas akan diperolehi dari perpustakaan universiti, perpustakaan Unit Penyelidikan dan Pendidikan untuk Perdamaian, internet, akhbar, majalah jurnal, lain-lain dokumen yang berkenaan.

1.6.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan dilakukan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat daripada pihak-pihak yang faham dengan topik kajian sebagai data primer kajian. Maklumat-maklumat yang diperoleh akan digunakan sebagai pengukur bagi teori-teori yang dijadikan landasan kajian. Ia bertujuan untuk menilai keselarian hasil dapatan kajian menerusi analisis yang dijalankan dengan teori-teori kajian.

1.6.3 Jenis Data

Data yang akan dikumpulkan di dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Diantara maklumat yang akan dikumpulkan adalah keadaan konflik Aceh, termasuk sejarah, punca, perkembangan, pelaku, isu, kesan yang ditimbulkan dan kaedah pengurusan konflik yang dijalankan. Maklumat lainnya adalah mengenai struktur masyarakat civil Aceh, termasuk pelaku-pelaku utama, jaringan yang dipunyai dan perkembangan-perkembangan yang telah berlaku. Di samping itu maklumat yang akan dikumpulkan adalah berkenaan dengan usaha dan aktiviti masyarakat civil Aceh dalam membangun perdamaian, bagaimana itu dijalankan dan apa cabaran yang mereka hadapi serta apa pengaruh cabaran dan aktiviti itu terhadap struktur dan kapasiti mereka.

1.6.4 Kaedah Pengumpulan Data

Secara umumnya untuk pengumpulan data, penyelidik menggunakan dua kaedah iaitu temu bual dan analisis kandungan. Ada dua cara temu bual yang dijalankan iaitu temu bual intensif dengan seorang sumber data, dan perbincangan berkumpulan dengan beberapa sumber data (*focus group discussion-FGD*). Cara pertama dilakukan untuk mendapat maklumat yang lebih mendalam dalam satu-satu perkara. Manakala dengan cara kedua peringkat kebenaran suatu maklumat akan lebih tinggi kerena maklumat daripada satu sumber akan dibincangkan oleh sumber yang lain. Di samping itu, untuk maklumat dari masyarakat civil, cara kedua ini memang lebih baik, kerena dalam organisasi masyarakat civil selalunya keputusan dihasilkan secara bersama, sehingga hujah seseorang belum tentu mewakili kumpulannya.

Khusus untuk kaedah temubual secara intensif, sebahagian diantaranya penyelidik lakukan menerusi e-mail, ini kerana pada masa penyelidikan ini dilakukan situasi kekerasan di Aceh semakin meningkat ekoran polisi kerajaan mengisyiharkan

darurat ketenteraan di Aceh pada 19 Mei 2003. Akibatnya ramai daripada ahli masyarakat sivil keluar daripada Aceh dan menetap sementara di merata tempat, sehingga akan sangat sulit bagi penyelidik untuk melakukan temubual dengan mereka secara terus. Sedangkan untuk temubual yang dilakukan secara terus hanya terhadap sumber-sumber data yang ada di Aceh dan Malaysia.

Selanjutnya kaedah lain yang digunakan adalah analisis kandungan. Kaedah ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat daripada laporan-laporan yang diterbitkan organisasi masyarakat sivil, hasil-hasil perundingan antara kerajaan Indonesia-GAM, polisi-polisi dan laporan-laporan yang diterbitkan kerajaan Indonesia berkaitan dengan Aceh dan penerbitan dan laporan-laporan daripada GAM dan laporan-laporan dan dokumen yang diterbitkan institusi lain, seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau negara lain berkenaan dengan konflik Aceh.

1.6.5 Sumber Data

Untuk mendapat maklumat dari kajian lapangan, penyelidik sudah memilih beberapa sumber data daripada ahli atau kumpulan masyarakat sivil yang dibahagikan kepada kategori kumpulan pelajar, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik, ulama, dan media.

Temubual dengan cara perbincangan berkumpulan telah dijalankan pada 3 hingga 9 September 2002 yang terdiri daripada:

- 1) Kumpulan SIRA, dihadiri 4 Presidium SIRA di Hotel Kuala Tripa Banda Aceh
- 2) Kumpulan NGO Banda Aceh, yang dihadiri 24 ahli-ahli NGO, di pajabat Koalisi NGO HAM Aceh, Banda Aceh

- 3) Kumpulan NGO dan mahasiswa Pidie, yang dihadiri sekitar 20 ahli-ahli NGO dan aktivis mahasiswa Pidie di Pejabat Pos Bantuan Hukum dan HAM (PB-HAM) Pidie di Sigi.
- 4) Kumpulan Ulama, yang dihadiri 7 pengurus Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) di Pejabat MPU Banda Aceh
- 5) Juru Runding GAM, yang dihadiri 3 Juru runding GAM di Hotel Kuala Tripa Banda Aceh.
- 6) Kumpulan akademik IAIN Ar-raniry yang dihadiri 15 pensyarah dari IAIN Ar-raniry di Kampus IAIN Ar-raniry Darussalam Banda Aceh
- 7) Kumpulan mahasiswa dan pemuda, yang dihadiri sekitar 12 aktivis mahasiswa dan pemuda di pejabat Front Demokratik Perlawan Rakyat Aceh (FPDRA) Banda Aceh.

Manakala temubual intensif dan perbincangan intensif telah dilakukan dengan ahli-ahli masyarakat sivil utama, militari, GAM, ahli parlimen seperti berikut:

- 1) Irwandi Yusuf, pimpinan GAM, Februari 2005 di Penang dan Oktober 2005 di Banda Aceh.
- 2) Major General Supiadin, Panglima Kodam Iskandar Muda, Oktober 2005 di Banda Aceh
- 3) Muhammad Nasir Jamil, anggota DPR RI September 2002 di Banda Aceh
- 4) Otto Syamsuddi Ishak, Direktur Cordova, Januari 2004 di Penang
- 5) Tamizi, Ketua Forum Rakyat, November 2004 di Penang
- 6) Kautsar, pendiri SMUR, Jun 2006 di Banda Aceh
- 7) Juanda, Setiausaha ACSTF, Jun 2006 di Banda Aceh
- 8) Radhi Darmansyah, Koordinator Farmidia, Julai 2003 di Penang
- 9) Nasruddin Abubakar, Presidium SIRA, Julai 2003 di Penang
- 10) Erwin Setiawan, Direktor Flower Aceh, Disember 2006 di Banda Aceh

Sumber data lainnya adalah berbentuk dokumen yang diterbitkan organisasi masyarakat sivil, seperti laporan penyiasatan, pernyataan akbar juga profil organisasi. Selain itu hasil-hasil perundingan antara kerajaan Indonesia-GAM, polisi-polisi dan laporan-laporan yang diterbitkan kerajaan Indonesia maupun GAM yang berkaitan dengan Aceh akan menjadi sebahagian daripada sumber data dalam kajian ini.

1.6.6 Analisis Data

Penyelidikan ini akan dijalankan menerusi kaedah kualitatif dengan menggunakan strategi induktif dalam melakukan analisis data, di mana penyelidik akan mengumpulkan data-data untuk dibandingkan dengan teori-teori yang dijadikan rujukan untuk mencari suatu kesamaan dari data-data tersebut.

Sebagaimana telah dihuraikan bahawa matlamat penyelidikan ini adalah untuk mengkaji peranan masyarakat sivil dalam transformasi konflik. Untuk membolehkan kita mengukur sama ada masyarakat sivil berjaya atau tidak dalam melakukan transformasi konflik, maka dalam kajian ini akan dibantu oleh pembolehubah-pembolehubah yang telah dikembangkan para ahli akademik bidang ini.

Matlamat akhir daripada transformasi konflik adalah perdamaian berterusan, untuk mengukurnya kita boleh menggunakan konsep perdamaian positif yang dikembangkan Galtung. Beliau menyebutkan bahawa perdamaian positif "*is more than the absence of violence; it is the presence of social justice through equal opportunity, a fair distribution of power and resources, equal protection and impartial enforcement of law.*"⁸

Kalau suasana seperti ini telah wujud, maka transformasi boleh dikatakan telah berjaya. Namun demikian dalam kajian ini, kes yang dikaji adalah sebuah konflik yang

⁸ Dipetik daripada : <http://www.esrnational.org/sp/we/uw/peacewhatis.htm>, muat turun 17 Mac 2003

masih berlaku semasa penyelidikan sedang dilakukan. Maka dapat dipastikan suasana itu belum wujud. Kerana itu penyelidik akan menggunakan pembolehubah antara yang menyokong berlakunya transformasi konflik. Vayrynen (1991) telah mengenalpastikan lima pembolehubah yang boleh menyumbang kepada transformasi konflik. Kelima jenis perubahan ini yang kemudiannya dikembangkan oleh Miall et.al (2000; 250-251):

- i. *Transformasi konteks;* ini berkaitan dengan perubahan konteks sosial dalam peringkat serantau mahupun antarabangsa. Contohnya adalah berangkhirnya Perang Dingin yang membuat tamatnya banyak konflik berkepanjangan di Afrika Selatan, Amerika Tengah dan tempat lainnya.
- ii. *Transformasi struktural;* ini berkaitan dengan hubungan kuasa yang tidak seimbang dalam konflik. Perubahan dalam aspek ini merupakan syarat berlakunya trasnformasi konflik.
- iii. *Transformasi pelaku;* ini berkaitan dengan pihak-pihak dalam konflik sama ada antara pihak yang bertikai mahupun dalam tiap-tiap parti. Ianya termasuk Banyak konflik boleh diakhiri apabila berlakunya perubahan kempimpinan atau suasana menyokong dalam sesuatu pihak.
- iv. *Transformasi isu;* ini berkaitan posisi pihak-pihak yang berkonflik terhadap isu dalam konflik, apabila ia mengubah posisinya dalam sebuah isu maka terdapat peluang untuk menyelesaikan konflik.
- v. *Transformasi personal/elit;* transformasi ini berlandaskan kepada hujah bahawa konflik berada dalam hati dan minda manusia, maka apabila hati dan minda orang-orang yang berkonflik, terutamanya para pemimpin kumpulan berubah, akan terbuka jalan kepada penyelesaian konflik.

Kelima pembolehubah ini akan jadi panduan analisis penyelidik dalam kajian ini. Penyelidik sedia maklum bahawa berlakunya perubahan tersebut bukan hanya disebabkan peranan masyarakat civil, tetapi mungkin juga peranan yang dimainkan

pihak-pihak lain seperti masyarakat antarabangsa atau pihak yang berkonflik sendiri. Oleh Kerana itu penyelidik akan juga cuba menghuraikan pada transformasi yang mana satukan peranan masyarakat sivil paling besar kesannya.

1.7 Rangka Tesis

Tesis ini dibahagikan pada 5 bab. Bab pertama menghuraikan latar belakang penyelidikan, kenyataan permasalahan, objektif dan persoalan kajian, skop dan batasan kajian serta kepentingan kajian. Bab pertama ini juga membincangkan pengkaedahan penyelidikan dalam mencapai objektif kajian. Ia melibatkan huraian mengenai kaedah pengumpulan maklumat dan penganalisaan data. Seterusnya Bab ketiga membincangkan landasan teoritis kajian yang berkaitan dengan masyarakat sivil, konflik pemisah, serta transformasi konflik.

Bab ketiga akan menghuraikan secara mendalam tentang anatomi konflik Aceh, ia akan membincangkan punca konflik dan menghuraikan sejarah Aceh dan proses terbinanya identiti Aceh serta mengapa ia bertembung dengan identiti yang dibina Indonesia. Dalam bab ini juga akan dihuraikan kenapa konflik ini menjadi konflik kekerasan, sehingga terus bergerak dari satu peringkat ke peringkat berikutnya dan akhirnya menjadikan konflik ini berlarutan dan susah diselesaikan (*protracted*). Dalam bab ini juga akan dihuraikan secara lebih luas pihak-pihak yang terlibat dan matlamatnya, kesan yang telah ditimbulkan daripada konflik, kaedah pengurusan yang telah dijalankan dan keberkesanannya dalam membina perdamaian berterusan. Selain itu dalam bab ini akan dijelaskan bagaimana tsunami mengubah keadaan konflik, sehingga proses damai yang sebelumnya terhenti dapat diteruskan semula.

Bab keempat akan menghuraikan keadaan masyarakat sivil Aceh, ia termasuk sejarah dan latar belakang kewujudannya, serta aktor-aktor utama dalam transformasi konflik. Dalam bab ini juga mengandungi analisis penyelidik atas usaha-usaha yang

dilakukan masyarakat civil Aceh dalam membangun perdamaian. Ianya termasuk cara usaha itu dijalankan, siapa pelaku-pelaku utama serta cabaran-cabaran yang dihadapi masyarakat civil dalam menjalankan usahanya. Selanjutnya dalam bab ini penyelidik akan berusaha menjawab sama ada usaha-usaha itu boleh mewujudkan transformasi konflik ke arah perdamaian berterusan di Aceh ataupun tidak.

Bab lima atau bab terakhir ini merupakan ringkasan daripada penemuan-penemuan utama serta rumusan kajian. Selain itu penyelidik juga akan mengemukakan beberapa saranan berkenaan dengan penyelidikan ini.

BAB 2

KONSEP MASYARAKAT SIVIL, KONFLIK PEMISAH DAN TRANSFORMASI KONFLIK

2.0 Pengenalan

Bab ketiga ini membicarakan mengenai konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini. Ianya dibahagikan dalam tiga bahagian iaitu 1) Masyarakat sivil : sejarah, konsep dan sumbangannya ke atas proses demokrasi; 2) Konflik pemisah : punca, karakter dan proses kewujudannya; dan 3) Transformasi konflik sebagai sebuah kaedah untuk penyelesaian konflik berterusan.

2.1. Masyarakat Sivil

2.2.1 Sejarah dan Perkembangan Konsep Masyarakat Sivil

Konsep masyarakat sivil merupakan konsep yang telahpun melalui sejarah intelektual dan politik yang panjang. Konsep ini mula bertapak di dalam dunia politik Eropah moden menerusi terjemahan Latin dari *politike koinonia*, sebuah istilah yang dinyatakan Aristotle di masa Romawi Kuno. Istilah *politike koinonia* (dalam bahasa Latin *societas civilis*) dipakai Aristotle untuk mentakrifkan sebuah prilaku dalam komuniti politik yang bebas yang mana warga negara setara di hadapan undang-undang (Cohen & Arato, 1992).

Konsep ini kemudian dipopularkan oleh Adam Ferguson (1767), dalam bukunya yang terkenal *An Essay on History of Civil Society*. Dalam karyanya itu Adam Ferguson menghuraikan perjalanan sejarah manusia dari zaman primitif yang kasar menjadi masyarakat bernegara yang bertamadun.

Dalam dua abad terakhir konsep masyarakat sivil telahpun mengalami perubahan pemahaman, sejak daripada zaman pencerahan apabila konsep itu